



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

APLIKASI SENI CAHAYA DALAM SENI LUKISAN BERUS

CHINA

NELLY KII NGA LEE

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian

(Seni Halus)

2010

APLIKASI SENI CAHAYA DALAM SENI LUKISAN BERUS CHINA

NELLY KII NGA LEE

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2010

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: Aplikasi Seni Cahaya Dalam Seni Lukisan Berus China

SESI PENGAJIAN : 2007/2008

Saya **NELLY KII NGA LEE**

mengaku membenarkan tesis/ Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi

5. *sila tandakan (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)
- SULIT (mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
- TERHAD

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Alamat Tetap:

64-A, Jalan Batang Lupar,
95000, Sri Aman, Sarawak.

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Catatan: * Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda

* Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Pengakuan

Projek bertajuk **Aplikasi Seni Cahaya Dalam Seni Lukisan Berus China** telah disediakan oleh **Nelly Kii Nga Lee** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

En. Anuar Ayob

Tarikh :

Pengesahan

Adalah ini diakui, saya **Nelly Kii Nga Lee** disertai penulisan yang bertajuk **Aplikasi Seni Cahaya Dalam Seni Lukisan Berus China** sebagai sebahagian dari keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam program **Seni Halus** diterima.

Disahkan oleh:

Encik Anuar Ayob

Penyelia

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana saya telah berjaya menyiapkan penyelidikan dan projek tahun akhir ini dengan lancar.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Anuar bin Ayob selaku penyelia dan pensyarah yang sentiasa mengambil berat dan memberikan tunjuk ajar kepada saya dalam menjalankan projek ini. Beliau juga memberikan keyakinan apabila saya menghadapi masalah dalam proses kajian projek ini. Tidak lupa juga kepada para pensyarah program Seni Halus yang lain yang memberikan tunjuk ajar dan selalu mengambil berat tentang proses penyelidikan dan projek tahun akhir saya.

Terima kasih kepada ibu bapa yang disayangi kerana sentiasa mengambil berat dan memberi sokongan yang sepenuhnya serta bantuan kewangan untuk saya dalam menjalankan penyelidikan dan projek tahun akhir ini. Tanpa bantuan daripada ibu bapa, adalah mustahil saya dapat menyiapkan projek pada hari ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kawan-kawan yang telah banyak memberi bantuan dan sokongan dalam proses menjalankan kajian iaitu Elizebel Danil dan Kong Sing Tung. Akhir kata, setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih sekali lagi diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Halaman Tajuk	i
Borang Pengesahan	ii
Pengakuan	iii
Pengesahan	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi-vii
Abstrak	viii
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Kenyataan Masalah	1-2
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Skop Kajian	3
2.0 KAJIAN LEPAS	4-6
2.1 Artis Rujukan dan Karya Lepas	6-12
3.0 KAEDAH KAJIAN	12
3.1 Sumber Data	12
3.1.1 Data Sekunder	12-13
4.0 KARYA PERIBADI	14

4.1 Perbandingan Karya	15-16
5.0 KESIMPULAN	16
BIBLIOGRAFI	17
LAMPIRAN	18-24

ABSTRAK

Kajian yang bertajuk “Aplikasi Seni Cahaya dalam Seni Lukisan Berus China” ini merupakan eksplorasi terhadap seni lukisan berus China konvensional yang telah ditransformasikan ke dalam bentuk pemasangan berunsurkan seni cahaya yang melibatkan aplikasi teknologi. Selain itu, kajian ini menjurus kepada pemerhatian dan eksperimentasi berteraskan seni lukisan berus China. Hasilnya, lukisan berus China yang mengaplikasikan teknologi dan media baru bertajuk “Nien Nien You Yu” dipersembahkan untuk memberi perspektif dan dimensi baru dalam penghasilan karya lukisan konvensional.

1.0 PENGENALAN

Pada awal kemunculan seni tampak, media karya seni tampak menggunakan kanvas dan juga teknik konvensional. Salah satu seni tampak yang masih mengekalkan teknik konvensional adalah seni lukisan berus China. Umumnya, seni lukisan berus China menggunakan dakwat sebagai medium melukis di atas kertas *xuan* atau dinamakan *rice paper* (Jiang, 2009: p.12).

Namun pada masa kini, pengkarya seni bebas menghasilkan karya dan membuat pelbagai perubahan dengan menggunakan pendekatan baru dari segi teknik, konsep dan medium. Melalui pendekatan baru ini, pengkarya boleh menghasilkan karya dalam seni digital, animasi, seni komputer, seni interaktif, seni cahaya, seni pemasangan dan sebagainya.

1.1 Kenyataan Masalah

Malaysia semakin berkembang dalam penggunaan teknologi baru. Penggunaan teknologi baru dan media baru ini telah diterima oleh masyarakat. Akan tetapi tidak ramai pengkarya seni yang mengaplikasikan teknologi baru dalam penghasilan karya. Kebanyakan pengkarya seni Malaysia masih menggunakan teknik konvensional dan mereka tidak berani menggunakan teknik baru dan teknologi baru dalam penghasilan karya. Namun demikian, terdapat satu contoh karya yang berani mengetengahkan seni cahaya iaitu Syed Alwi. Beliau berani menghasilkan karya seni cahaya yang bertajuk “Hari ini dan Esok”. Karya ini berkonsep masa dan agama

yang dipersembahkan dalam bentuk litar elektrik menerusi rangkaian kabel *Light Emitted Diode* (LED) yang bertujuan untuk menghasilkan cahaya.

Kini, pengkarya seni Malaysia kurang mengkaji atau menghasilkan karya seni berus China. Hal ini amat mengecewakan kerana seni berus China semakin diabaikan oleh generasi muda terutamanya dalam golongan cina di Malaysia. Pengkarya seni berkonsepkan berus China di Malaysia masih menggunakan teknik konvensional tanpa membuat perubahan terhadap penggunaan teknik baru atau media baru dalam penghasilan karya, contohnya mengaplikasikan pendekatan baru dalam seni berus China.

Merujuk kepada negara lain seperti Negara China, mereka telah melangkah jauh ke depan dalam perubahan kaedah penyampaian dan persembahan seni tradisional China kepada bentuk yang lebih moden dengan penggunaan media baru. Sebagai contoh, semasa Majlis Pelancaran Sukan Olimpik 2008, Beijing banyak menggunakan teknologi dan media baru dalam persembahan pembukaan mereka. Antaranya adalah gabungan *Chinese scroll* dengan media teknologi telah membawa kejutan kepada seluruh dunia. Hal ini membuktikan kejayaan pengkarya China dalam mengaplikasikan teknologi dalam bidang seni China (JSTV, 2008 August 20).

1.2 Objektif Kajian

- Untuk mengkaji keberkesanan teknologi dalam karya seni tampak iaitu berkaitan pengaplikasian seni cahaya dalam seni lukisan berus China.
- Untuk mengeksploitasikan lukisan berus China yang konvensional menggunakan dakwat pada lukisan flora dan fauna dalam bentuk dua dimensi kepada penghasilan imej dalam bentuk tiga dimensi yang boleh dilihat lebih daripada dua perspektif dan mempunyai pergerakan.
- Untuk memperkenalkan aplikasi seni cahaya ke atas seni lukisan berus China.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah lebih tertumpu kepada kesan cahaya atau kesan bayang-bayang yang dapat melambangkan seni lukisan berus China. Jenis media seperti lampu kalimantang dan kertas surih dikaji dalam karya supaya mendapat kesan cahaya dan bayangan yang terbaik. Konsep dalam seni berus China juga dikaji iaitu garisan sapuan berus, format lukisan, kaligrafi, komposisi dan cop mohor.

2.0 KAJIAN LEPAS

Seni lukisan berus China merupakan karya yang menggunakan dakwat sebagai medium untuk mengkaji alam sekitar. Ia menggunakan berus dan dakwat yang khusus untuk menekankan dan menyampaikan perasaan dalaman dan dinamik terhadap sesuatu subjek hidup (Leong, 1994:p.21). Subjek yang digunakan dalam seni berus China dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu landskap, figura, flora and fauna (Gurdon, 2004:p.6).

Jenis medium yang biasa digunakan dalam seni lukisan berus China adalah kertas *xuan* dan *rice paper*. Kertas lukisan berus China mempunyai pelbagai saiz dan jenis ketebalan. Lukisan berus China juga mempunyai jenis format yang berlainan, seperti *central hall painting (Zhong Tang Hua)*, *four hanging scrolls (Si Tiao Ping)*, *panoramic screen (Tong Jing Ping)*, *vertical hanging scroll (Li Zhou)*, *horizontal hanging scroll (Heng Fu)*, *framed painting (Jing Pian)*, *hand scroll (Shou Juan)*, *square painting (Dou Fang)*, *round fan painting (Tuan Shan)* dan sebagainya (Gurdon, 2004:p.58-59).

Secara tradisional, seni lukisan berus China merangkumi empat elemen yang penting iaitu imej, sajak, kaligrafi, dan cop mohor. Keempat-empat elemen adalah bertujuan untuk menyampaikan perasaan tentang seseorang pengkarya seni berus China, serta menjelaskan maksud dalaman tentang lukisan dan keunikannya (Gurdon, 2004:p.62-63).

Dalam lukisan berus China, cop mohor merupakan pengesahan terhadap

seseorang artis dan juga sebahagian daripada tandatangan pengkarya. Cop mohor dibahagikan kepada dua jenis iaitu cop mohor nama dan cop mohor mesej. Cop mohor nama adalah nama, biasanya dalam bentuk segi empat. Manakala cop mohor mesej mengandungi mesej atau ayat yang ingin disampaikan oleh pengkarya. Ia juga boleh dihasilkan dalam pelbagai bentuk.

Pemilihan untuk meletakkan komposisi cop mohor adalah sangat penting. Cop mohor nama diletakkan di bahagian bawah lukisan atau di sebelah tulisan kaligrafi dan ia juga bergantung kepada komposisi lukisan tersebut. Terdapat banyak jenis cara dalam penggunaan cop mohor mesej, ia juga bergantung kepada komposisi lukisan supaya dapat mengimbangi komposisi dan mengisi ruang putih lukisan (Gurdon, 2004:p.63).

Cahaya memainkan peranan yang penting dalam lukisan seni tampak. Sesuatu karya lukisan akan menjadi menarik sekiranya mendapat kesan cahaya dalam karya tersebut. Cahaya juga dapat mengubahsuai persepsi terhadap ruang, jarak dan saiz pada sesuatu imej. Pengaplikasian cahaya dalam karya juga terdapat dalam bentuk seni yang lain seperti seni fotografi dan seni video.

Pada zaman moden ini, seni cahaya semakin popular dikalangan pengkarya barat. Menurut Henri Matisse, "*The Future of Art is Light*".

"Light is the closest we come to directly sensing the universal energy. The chance interplay of form and color can inspire awe and wonder"

(Cadena, 2006).

Oleh itu, seni cahaya memainkan peranan yang penting dalam perkembangan seni masa kini.

2.1 Artis Rujukan dan Karya Lepas

Terdapat karyawan barat yang menggunakan seni cahaya seperti Joost Santen yang menghasilkan karya seni cahaya bertajuk *Sky Light*, 1999 yang menggunakan pendekatan holografi sebagai media. Karya tersebut dipersembahkan dan dipancarkan ke atas siling bangunan. Cahaya yang terhasil adalah daripada kesan tindak balas pendedahannya terhadap cahaya matahari.

Terdapat juga karya seni cahaya bertajuk *Ellipse of Light*, 2001. Ia merupakan karya seni pemasangan yang dipersembahkan di *south facade of the station*. Medium yang digunakan dalam karya ini adalah *glass-applique*. Warna kaca dipancar ke dalam dewan melalui pancaran cahaya matahari. Pergerakan bayangan warna akan sentiasa berubah mengikut masa dan hari.

Karya *Light Seat*, 2007 turut menggunakan kaca lapisan yang setebal 30 milimeter. Pemantulan cahaya matahari melalui kaca berwarna-warni menghasilkan kesan bayangan warna di atas lantai (Santan, n. d.).




Figura 1
Joost Van Santen
Sky Light, 1999
Medium: Holografi



Figura 2
Joost Van Santen
Ellipse of Light, 2001
Medium: *Glass-applique*



Figura 3

Joost Van Santen
Light Seat, 2007
Medium: *Glass*

Karya rujukan lain ialah *Your Space Embracer*, 2004 yang dihasilkan oleh Olafur Eliasson merupakan karya yang bermain dengan cahaya dan bayang (Eliasson, n. d.). Pemancaran cahaya kepada arca kinetik yang berbentuk bulat telah menghasilkan kesan bayangan yang bergerak dan sentiasa berubah mengikut pergerakan arca.




Figura 4

Olafur Eliason
Your Space Embracer, 2004

Zhang Yi Mou, nama ini terkenal bertahun yang lalu sebagai orang yang dipilih oleh kerajaan negara China untuk menjayakan majlis pelancaran Olympik Beijing, 2008. Persembahan majlis pelancaran Sukan Olimpik 2008 Beijing banyak mengaplikasikan seni elektronik dan multimedia baru. Ia merupakan salah satu persembahan yang memperkenalkan sejarah seni China dimana *Chinese scroll* merupakan penggunaan pendekatan seni cahaya dalam seni tradisional China yang membawa kejutan kepada seluruh dunia dan telah membuktikan kejayaan pengkarya China dalam pengaplikasian teknologi dalam seni tampak China (JSTV, 2008, August 20).



Figura 5

Zhang Yi Mou

Chinese Scroll, 2008

Medium: *Liquid Crystal Display (LCD) Projector*

Seni cahaya merupakan penghasilan karya yang menggunakan pendekatan cahaya sebagai elemen utama dalam berkarya. Biasanya, karyawan seni cahaya menggunakan mentol, *Light Emitted Diode (LED)*, *Liquid Crystal Display (LCD) Projector*, laser, litar elektronik, dan juga cahaya semulajadi (cahaya matahari) untuk menghasilkan karya mereka. Dalam pendekatan seni, cahaya adalah penting untuk menunjukkan bentuk, ton, bayangan, corak dan warna.

Penggunaan unsur cahaya dalam pengaplikasian karya seni tampak di Malaysia bergerak dengan perlahan. Seni cahaya dianggap seni yang baru di Malaysia kerana ianya melibatkan teknologi elektronik dan tidak lagi menggunakan media konvensional. Terdapat seorang pengkarya seni Malaysia iaitu Syed Alwi bin Syed Abu Bakar, yang telah melangkah ke dalam dunia teknologi dan menggunakan

bahan yang berteraskan teknologi elektronik ini. Beliau menghasilkan karya seni cahaya yang bertajuk “Hari ini dan Esok” yang berkonsep masa dan agama. Beliau menggunakan aliran elektrik menerusi rangkaian wayar dan *Light Emitted Diode* (LED) dalam penghasilan karya. Selain itu, beliau juga memilih rangkaian warna *Light Emitted Diode* (LED) yang sesuai dan bertepatan dengan konsep yang ingin disampaikan.




Figura 6

Syed Alwi bin Syed Abu Bakar

Hari ini dan Esok

Medium: *Light Emitted Diode* (LED)

Merujuk kepada kajian lepas pelajar UNIMAS, kajian pengaplikasian seni cahaya dalam karya yang dihasilkan oleh Rosita Jackson yang bertajuk *Rhythm of Light*, 2006 juga menggunakan cahaya dan pergerakan sebagai medium baru dalam seni. Beliau menampilkan cahaya dan kaca sebagai medium utama dalam

penghasilan catan bentuk baru bagi menggantikan pigmen warna manakala kaca berfungsi sebagai kanvas. Eksperimen tersebut membuktikan bahawa catan dapat dihasilkan menerusi pendekatan elektronik menggunakan lampu.

3.0 KAEDAH KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Melalui kaedah pemerhatian sepenuhnya, proses eksperimentasi adalah sangat penting untuk membuat pelbagai kajian terhadap karya. Dalam proses eksperimentasi, pengkaji telah mengkaji saiz akuarium, jarak pemancaran cahaya dan jenis medium yang paling sesuai digunakan dalam karya. Berikut merupakan medium yang sesuai digunakan, contohnya, ikan koi, akuarium kaca, kertas surih, rak akuarium, lampu kalimantan dan sebagainya.

Pengkaji juga merujuk kepada karya-karya yang dihasilkan oleh pengkarya seni cahaya seperti Joost Van Santen, Olafur Eliason dan juga persembahan seni elektronik yang dihasilkan oleh Zhang Yi Mou.

3.1 Sumber Data

3.1.1 Data Sekunder

Pengkaji mendapatkan maklumat daripada bahan bacaan akademik seperti buku rujukan dan jurnal yang berkaitan dengan kajian ini. Maklumat diperolehi dari Pusat Khidmat Maklumat dan Akademik, Universiti Malaysia Sarawak (PKMA,

UNIMAS). Pengkaji membaca buku seni lukisan berus China dengan teliti dan mengumpulkan maklumat terhadap konsep, jenis format dan projek yang ada dalam seni lukisan berus China. Pengkaji juga merujuk kepada karya pelajar tahun lepas melalui jurnal mereka.

Selepas itu, pengkaji mengumpul maklumat daripada surat khabar yang menunjukkan bukti kepudaran seni lukisan berus China di Malaysia serta mendokumentasikan hasil karya yang masih mengekalkan teknik konvensional oleh karyawan seni lukisan berus China.

Media elektronik seperti internet memainkan peranan yang penting untuk mendapatkan maklumat rujukan dengan cepat daripada laman web atau *Youtube*. Pengkaji mendapatkan perkembangan idea melalui karya yang dihasilkan dalam pelbagai pendekatan yang berlainan seperti seni pemasangan, animasi, dan seni cahaya.

4.0 KARYA PERIBADI

Penyelidikan ini bertemakan seni lukisan berus China yang semakin pudar mengikut peredaran masa dan zaman. Sebagai alternatif bagi memupuk minat audien terhadap seni lukisan berus China, penyelidik telah menghasilkan karya bertajuk “Nien Nien You Yu” dengan menggunakan pendekatan baru menerusi seni pemasangan yang melibatkan aplikasi seni cahaya secara eksperimentasi.

Penggunaan pendekatan baru ini telah membawa perubahan persembahan dalam seni lukisan berus China. Penyelidikan ini menggantikan teknik konvensional penggunaan dakwat dalam menghasilkan seni lukisan berus China dalam bentuk dua dimensi kepada bentuk tiga dimensi dan mempunyai pergerakan. Selain itu, kertas surih digunakan sebagai kanvas dan dilekatkan ke atas permukaan kaca akuarium.

Dengan menggunakan lampu kalimantang sebagai media untuk menghasilkan cahaya dan memancarkannya pada subjek hidup (ikan), kesan bayang-bayang seni lukisan berus China yang ditimbulkan di atas kertas surih dipersembahkan secara bergerak dan lebih dinamik untuk menggambarkan perasaan dalaman terhadap flora dan fauna dalam konsep seni berus China.

Kejayaan eksperimen ini membuktikan bahawa seni lukisan berus China bukan hanya dihasilkan dengan bersandarkan pada kertas xuan dan hanya menggunakan dakwat dan warna semata-mata sebaliknya ia juga dapat dihasilkan menerusi pendekatan pemasangan seni cahaya. Karya ini juga menampilkan elemen seni yang merangkumi pergerakan, bayang-bayang, bentuk, warna, dan ruang.



Figura 7

Hasilan karya peribadi yang bertajuk “Nien Nien You Yu”.

4.1 Perbandingan Karya

Pengkarya membandingkan “Nien Nien You Yu” dengan karya yang dihasilkan oleh pengkarya rujukan seperti *Light Seat* oleh Joost Van Santen. Kedua-dua buah karya ini mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan. Persamaannya dapat ditemui dengan jelas iaitu penggunaan konsep seni komtemporari dan menghasilkan kesan bayangan menerusi pancaran cahaya serta memilih kaca sebagai medium dalam penghasilan karya. Perbezaanya, pengkarya menggunakan lampu kalimantang sebaliknya Joost Van Santen pula menggunakan cahaya matahari sebagai medium.

Merujuk kepada seorang pelajar tahun lepas Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, iaitu Rosita Jackson yang menjalankan penyelidikannya iaitu *Rhythm of Light*, 2006. Persamaannya kedua-dua karya adalah